

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen 20 Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Lembaga menurut peruntukan tersebut membuat skim berikut :

NAMA DAN TARIKH PENGUATKUASAAN

Skim ini hendaklah dikenali sebagai Skim Pasca Kedoktoran (SPK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka. (Pindaan 2021).

1. TAFSIRAN

Dalam skim ini melainkan jika ada makna lain yang terjelas daripada konteksnya, tafsiran berikut akan terpakai :-

- a. “**Anak**” ertinya anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang diambil mengikut undang-undang dan ditanggung sepenuhnya oleh staf dan berdaftar dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM). Had kelayakan anak yang ditaja di bawah Peraturan dan Prosedur Skim Pasca Kedoktoran adalah di bawah tiga belas (13) tahun ke bawah.

- b. “**Dalam Ibu Pejabat**” ertinya tempat Pegawai itu bertugas dalam lingkungan 25 km daripada kampus induk Universiti.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- c. **“Force Majeure”** ertinya adalah termasuk apa-apa arahan daripada Kerajaan atau kerajaan di tempat pengajian, peperangan, rampasan kuasa, pemberontakan, kekacauan awam, atau bencana alam termasuk dan tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, ribut taufan atau ombak besar, atau letupan nuclear, pencemaran radioaktif atau radiasi, atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya lain yang di luar kawalan Kerajaan atau Universiti, seperti mana yang diperuntukkan di dalam Perjanjian.
- d. **“Ijazah Kedoktoran”** ertinya Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Kejuruteraan, Ijazah Doktor Pengurusan dan Ijazah Doktor Teknologi Maklumat atau apa -apa Ijazah Kedoktoran yang diiktiraf oleh Universiti.
- e. **“Jawatankuasa”** ertinya Jawatankuasa Cuti Belajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- f. **“Kerajaan”** ertinya Kerajaan Malaysia termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)/ Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Agensi Kerajaan.
- g. **“Kertas Kerja Ilmiah”** ertinya artikel dan jurnal yang diterbitkan.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- h. **“Ketua Pusat Tanggungjawab”** ertinya Ketua Pusat Tanggungjawab hakiki kepada Pegawai yang memohon.
- i. **“Kos Sebenar”** ertinya Elaun yang diterima sepanjang menjalani Skim Pasca Kedoktoran.
- j. **“Kursus Jangka Panjang”** ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi 12 bulan kalender termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik
- k. **“Kursus Jangka Sederhana”** ertinya kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan kalender termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.
- l. **“Latihan”** ertinya proses pemindahan ilmu pengetahuan secara berstruktur dan berdisiplin bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program *mentoring / coaching* atau yang seumpamanya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- m. “**Lembaga**” ertinya Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- n. “**Luar Ibu Pejabat**” ertinya bermakna satu lingkungan tempat Pegawai bertugas melebihi 25 km daripada kampus induk Universiti.
- o. “**Pegawai**” ertinya staf akademik Gred DS 45 dan ke atas yang mempunyai kelulusan Ijazah Kedoktoran atau setaraf.
- p. “**Perjanjian**” ertinya Perjanjian Skim Pasca Kedoktoran yang ditandatangani oleh pegawai.
- q. “**Tanggungan**” ertinya suami bagi staf wanita atau bagi staf lelaki dan anak.
- r. “**Tempat Pengajian**” ertinya universiti pengajian yang telah diluluskan.
- s. “**Universiti**” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2. TUJUAN

Skim ini adalah satu kemudahan kepada Pegawai yang memperolehi Ijazah Kedoktoran sebagai satu galakan kepada mereka untuk menjalankan penyelidikan di bawah skim ini dalam bidang kepakarannya dan berinteraksi dengan kumpulan penyelidik di luar negara. Walau bagaimanapun, sekiranya bidang kepakarannya terdapat di dalam negara, maka skim ini boleh dipertimbangkan untuk diikuti di dalam negara.

3. OBJEKTIF

3.1 Skim ini diwujudkan bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- 3.1.1 memberi peluang kepada Pegawai berkelulusan Ijazah Kedoktoran atau setaraf untuk membuat penyelidikan secara sepenuh masa;
- 3.1.2 membuka peluang untuk Pegawai menonjolkan penemuan dan teknik baru dalam penyelidikan;
- 3.1.3 menggalakkan Pegawai membina rangkaian penyelidikan dengan pakar dalam bidang masing-masing;
- 3.1.4 memberi pendedahan untuk menjalankan penyelidikan dengan penyelidik yang tersohor dalam bidang kepakarannya;
- 3.1.5 mengukuh dan meluaskan bidang penyelidikan Pegawai;

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

3.1.6 meningkatkan mutu kesarjanaan akademik di Universiti melalui latihan berterusan dalam pelbagai kepakaran bagi seseorang Pegawai.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Warganegara Malaysia;
- 4.2 Pegawai adalah bertaraf tetap dan telah disahkan dalam jawatan;
- 4.3 Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 4.4 Telah berkhidmat sekurang-kurangnya dua (2) tahun selepas dianugerahkan Ijazah Kedoktoran;
- 4.5 Namun, dalam kes-kes tertentu Universiti boleh membenarkan Pegawai meneruskan Skim Pasca Kedoktoran selepas menamatkan Ijazah Kedoktoran dalam tempoh kelulusan asal atau *Graduate On Time (GOT)*;
- 4.6 Pegawai mesti mempunyai baki perkhidmatan sebelum umur persaraan wajib ketika tamat Skim Pasca Kedoktoran seperti berikut:
 - 4.6.1 Jika tempoh Skim Pasca Kedoktoran adalah dua belas (12)

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

bulan, Pegawai mesti mempunyai baki sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) bulan perkhidmatan sebelum umur persaraan wajib ketika tamat Skim Pasca Kedoktoran;

4.6.2 Jika tempoh Skim Pasca Kedoktoran melebihi dua belas (12) bulan tetapi kurang dari dua puluh empat (24) bulan, Pegawai mesti mempunyai baki sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) bulan perkhidmatan sebelum umur persaraan wajib ketika tamat Skim Pasca Kedoktoran;

4.7 Universiti boleh mempertimbangkan permohonan kali kedua tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat termasuk tempoh baki perkhidmatan sebelum umur persaraan wajib;

4.8 Tempoh Skim Pasca Kedoktoran adalah minimum 12 bulan dan maksimum 24 bulan secara berterusan seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti;

4.9 Permohonan mendapat sokongan Dekan;

4.10 Diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar;

4.11 Penarafan (*ranking*) Universiti ternama di dunia, khususnya 50 QS *World University Ranking* atau 50 QS *World University Ranking by subject*, atau tertakluk kepada kelulusan Universiti / Kementerian

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pengajian Tinggi (KPT); atau tempat pengajian mempunyai kerjasama melalui MOU / MOA atau yang diperakui kepakarannya oleh Universiti; atau pusat penyelidikan yang diperakui kepakarannya di dalam bidang berkaitan oleh Universiti; atau mana-mana universiti yang memberi penajaan.

- 4.12 Disahkan mempunyai kesihatan yang baik oleh Pegawai Perubatan Pakar berdaftar, atau Pegawai Perubatan Universiti;
- 4.13 Pegawai yang sedang mengikuti Skim Pasca Kedoktoran dalam tempoh 12 bulan adalah tidak boleh dilantik sebagai Penyelia Utama pelajar pasca siswazah kecuali pelajar kedoktoran sedia ada. Jika staf mengikuti skim melebihi 12 bulan, tidak boleh menjadi Penyelia Utama kecuali Pegawai yang menjalani Skim Pasca Kedoktoran dalam Universiti;
- 4.14 Pegawai yang sedang mengikuti Skim Pasca Kedoktoran adalah tidak boleh mengetuai sebarang projek penyelidikan kecuali Pegawai yang menjalani Skim Pasca Kedoktoran dalam Universiti;
- 4.15 Pusat Tanggungjawab / Fakulti dan Pegawai perlu membuat perancangan tentang aktiviti Skim Pasca Kedoktoran bagi memenuhi pencapaian seperti berikut :-

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

4.15.1 Syarat Wajib : Bilangan minimum jurnal berindeks SCOPUS

mengikut Notional Loading gred pensyarah tahunan atau tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Universiti. Jurnal Artikel tersebut perlu diterima (*Accepted*) oleh pengajur.

5. SYARAT-SYARAT PENYELIA PASCA KEDOKTORAN

- 5.1 Pegawai perlu mendapat persetujuan rasmi daripada penyelia yang akan menyelia Pegawai sepanjang tempoh Skim Pasca Kedoktoran.
- 5.2 Penyelia mestilah diperakui kepakarannya di dalam bidang berkaitan oleh Universiti.
- 5.3 Pegawai bertanggungjawab menghantar laporan kemajuan yang disahkan oleh penyelia setiap enam (6) bulan mengikut keperluan Universiti.

6. PERMOHONAN DAN KELULUSAN

- 6.1 Permohonan dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Skim Pasca Kedoktoran yang disediakan oleh Universiti dan disertakan bersama cadangan penyelidikan yang terperinci, perancangan dan jadual kerja sepanjang Skim Pasca Kedoktoran berkenaan.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- 6.2 Cadangan penyelidikan yang lengkap meliputi maklumat berikut :
- 6.2.1 Pengenalan / Latar Belakang – meliputi sorotan literatur.
 - 6.2.2 Pernyataan Masalah
 - 6.2.3 Bidang / Skop dan Populasi Kajian
 - 6.2.4 Pemilihan Sampel
 - 6.2.5 Jangkaan Penemuan / Keputusan (*Expected Result*)
 - 6.2.6 Kesan penyelidikan kepada pembangunan masyarakat dan Negara
 - 6.2.7 Jadual Kerja / Aktiviti Sepanjang Tempoh Cuti Berkenaan
- 6.3 Permohonan mestilah dimajukan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar melalui Ketua Pusat Tanggungjawab tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelum tarikh permulaan Skim Pasca Kedoktoran. Permohonan kurang daripada tiga (3) bulan tidak akan diproses.
- 6.4 Kelulusan permohonan skim ini adalah tertakluk kepada permohonan yang memenuhi syarat di atas, kepentingan perkhidmatan dan peruntukan kewangan Universiti.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

7. TEMPOH KELULUSAN DAN LAPOR DIRI

- 7.1 Tempoh skim adalah minimum dua belas (12) bulan dan maksimum dua puluh empat (24) bulan secara berterusan seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti (tertakluk kepada kelulusan Universiti).
- 7.2 Universiti berhak untuk memendekkan tempoh atau menamatkan atau membatalkan kelulusan Skim Pasca Kedoktoran Pegawai pada bila-bila masa yang dirasakan wajar dan munasabah.
- 7.3 Dalam apa juga keadaan, Universiti boleh mengeluarkan notis pemendekan, penamatan atau pembatalan Skim Pasca Kedoktoran kepada Pegawai dalam tempoh masa yang munasabah.
- 7.4 Pegawai dikehendaki lapor diri ke Universiti dengan segera sebaik sahaja tamat tempoh kelulusan Skim Pasca Kedoktoran.

8. TEMPAT

- 8.1 Pegawai boleh menjalani Skim Pasca Kedoktoran di salah satu atau gabungan tempat berikut tertakluk kepada kelulusan Universiti:
 - 8.1.1 **Dalam Negara**
 - 8.1.1.1 Universiti Awam (UA), atau
 - 8.1.1.2 Universiti Swasta

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

8.1.2 Luar Negara

8.1.2.1 Pegawai perlu mengikut Skim Pasca Kedoktoran di universiti yang memenuhi syarat berikut :

8.1.2.1.1 Penarafan (*ranking*) Universiti ternama di dunia, khususnya 50 QS *World University Ranking* atau 50 QS *World University Ranking by subject*, atau tertakluk kepada kelulusan Universiti / Kementerian Pengajian Tinggi (KPT); atau

8.1.2.1.2 Tempat Pengajian mempunyai kerjasama melalui MOU/MOA atau yang diperakui kepakarannya oleh Universiti; atau

8.1.2.1.3 Pusat penyelidikan yang diperakui kepakarannya di dalam bidang berkaitan oleh Universiti; atau

8.1.2.1.4 Mana-mana universiti yang memberi penajaan.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

9. PERTUKARAN TEMPAT PENGAJIAN / PENYELIA

- 9.1 Pegawai mestilah menamatkan Skim Pasca Kedoktoran di universiti seperti mana tawaran serta kelulusan Skim Pasca Kedoktoran dan penajaan diluluskan.
- 9.2 Pegawai tidak dibenarkan bertukar Tempat Pengajian / Penyelia tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan dan kelulusan secara bertulis dari Universiti atau-pihak penaja.

10. MEMINDA TARIKH BERTOLAK / PENERBANGAN

Pegawai tidak boleh meminda tarikh bertolak atau tarikh penerbangan balik yang telah ditetapkan oleh Universiti.

11. PENANGGUHAN PENGAJIAN

Pegawai tidak dibenarkan membuat sebarang penangguhan Skim Pasca Kedoktoran tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Universiti dan penaja. Jika dilakukan, Pegawai akan ditamatkan Skim Pasca Kedoktoran dan penajaannya dengan serta merta. Pegawai akan dipanggil balik dan akan dikenakan tindakan tatatertib serta membayar ganti rugi kerana melanggar perjanjian.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

12. PELANJUTAN TEMPOH SKIM PASCA KEDOKTORAN DAN PENAJAAN

12.1 Sekiranya Pegawai gagal menamatkan Skim Pasca Kedoktoran dalam tempoh yang telah ditetapkan dan berhasrat memohon lanjutan tempoh Skim Pasca Kedoktoran, Pegawai hendaklah memohon lanjutan tempoh dari Universiti sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tempoh Skim Pasca Kedoktoran sedia ada itu berakhir. Permohonan ini hendaklah :-

12.1.1 memberi butir-butir tentang tempoh lanjutan yang diperlukan serta sebab-sebabnya.

12.1.2 disertakan dengan sokongan dan perakuan secara bertulis dari Tempat Pengajian Pegawai.

12.1.3 menyertakan laporan kemajuan dari tarikh pegawai memulakan Skim Pasca Kedoktoran sehingga tarikh permohonan pelanjutan itu di buat.

12.1.4 mengemukakan jadual perancangan kerja (plan of study) bagi tempoh yang dipohon.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

13. AKTIVITI

- 13.1 Keutamaan skim ini adalah untuk dijalankan di luar negara. Walaupun bagaimanapun, kelonggaran untuk menjalankan skim ini di dalam negara boleh diberi sekiranya bidang kepakaran terdapat di dalam negara;
- 13.2 Pegawai mestilah menjalankan projek yang khusus yang boleh memberikan manfaat kepada Universiti dan Negara;
- 13.3 Pegawai digalakkan menjalankan penyelidikan atau projek di universiti tersohor yang relevan dengan bidang kepakaran Pegawai;
- 13.4 Di akhir tempoh menjalani Skim Pasca Kedoktoran, Pegawai dikehendaki menghasilkan kertas kerja ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.

14. LAPORAN KEMAJUAN

Semasa dalam tempoh Skim Pasca Kedoktoran, Pegawai hendaklah melaporkan kemajuannya kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar setiap enam (6) bulan kalendar.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

15. LAPORAN AKHIR

- 15.1 Laporan akhir Skim Pasca Kedoktoran yang telah disahkan oleh penyelia dan sebarang hasil dari Skim Pasca Kedoktoran hendaklah dikemukakan kepada Universiti dalam tempoh satu (1) bulan setelah tamat tempoh Skim Pasca Kedoktoran.
- 15.2 Pihak Pusat Tanggungjawab akan memperakukan laporan akhir Skim Pasca Kedoktoran berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan dan mengemukakan kepada pihak Universiti.
- 15.3 Staf hendaklah membentangkan laporan akhir Skim Pasca Kedoktoran sekurang-kurangnya di peringkat Pusat Tanggungjawab.
- 15.4 Laporan Akhir Skim Pasca Kedoktoran dan hasil Skim Pasca Kedoktoran yang diserahkan kepada Universiti adalah menjadi hak Universiti dan atas kebenaran Universiti ianya boleh digunakan sebagai bahan bacaan atau rujukan umum.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

16. EMOLUMEN

- 16.1 Semasa mengikuti Skim Pasca Kedoktoran, Pegawai akan dibayar emolumen dan elaun-elaun yang melayakkan oleh Universiti kepada Pegawai mengikut jawatan hakikinya.
- 16.2 Pegawai yang gagal menghantar laporan kemajuan selama dua (2) semester (satu tahun) berturut-turut, Universiti berhak menahan emolumen dan elaun Skim Pasca Kedoktoran serta boleh dikenakan tindakan tatatertib sebagaimana yang telah ditetapkan oleh universiti.

17. ELAUN DAN LAIN-LAIN BANTUAN

Semasa mengikuti Skim Pasca Kedoktoran, Pegawai adalah layak menerima elaun-elaun, yuran dan lain-lain bantuan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

17.1 Elaun Sara Hidup (ESH)

Pegawai akan dibayar Elaun Sara Hidup mengikut kadar bulanan bagi setiap empat (4) bulan atau mengikut jadual yang ditetapkan oleh Universiti bagi menyara hidup semasa menuntut.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

17.2 Elaun Bantuan Keluarga (EBK)

Elaun Bantuan Keluarga (EBK) akan dibayar kepada Pegawai yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- 17.2.1 tempoh melebihi dua belas (12) bulan; atau
- 17.2.2 keluarga tinggal bersama-sama Pegawai di luar negara secara terus menerus tidak kurang dari enam (6) bulan.
- 17.2.3 Bayaran EBK adalah tertakluk kepada suami atau isteri Pegawai dan tanggungannya yang berumur tiga belas (13) tahun dan ke bawah.

17.3 Elaun Bantuan Sewa Rumah (EBSR)

- 17.3.1 Elaun Bantuan Sewa Rumah (EBSR) akan dibayar kepada Pegawai yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- 17.3.1.1 tempoh Skim Pasca Kedoktoran dua belas (12) bulan satu (1) hari atau lebih; dan
 - 17.3.1.2 keluarga tinggal bersama-sama Pegawai di luar negara secara terus menerus tidak kurang dari enam (6) bulan.
- 17.3.1.3 Kadar EBSR di sini ialah sama ada kadar EBSR di luar negara ataupun kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) di dalam negara yang ia layak berdasarkan gred gajinya. Pegawai dengan ini dikehendaki membuat pilihan untuk memilih

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

EBSR atau ITP mengikut mana yang berkenaan. Pilihan yang dibuat oleh Pegawai akan kekal sehingga tempoh yang Pegawai berkelayakan.

17.3.2 EBSR dan EBK tidak dibayar :

- 17.3.2.1 kepada Pegawai bujang;
- 17.3.2.2 kepada Pegawai yang tidak membawa keluarga;
- 17.3.2.3 jika tempoh Skim Pasca Kedoktoran kurang daripada dua belas (12) bulan; dan jika keluarga tinggal bersama-sama Pegawai di luar negara secara terus menerus kurang dari enam (6) bulan.

17.4 Elaun Penempatan (EP)

- 17.4.1 Elaun Penempatan akan dibayar sebelum Pegawai bertolak ke luar negara iaitu dengan tujuan untuk membantu menampung perbelanjaan-perbelanjaan runcit seperti tambang perjalanan dari rumah ke lapangan terbang, upah mengangkut barang-barang, perbelanjaan penginapan dan makan sebelum mendapat tempat tinggal yang tetap di Negara berkenaan, perbelanjaan membawa barang-barang lebihan dan lain-lain perbelanjaan runcit.
Dengan pemberian elaun ini, Pegawai tidak dibenarkan

LAMPIRAN D

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

membuat apa-apa tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut di atas.

- 17.4.2 Elaun Penempatan bagi Pegawai bujang atau Pegawai yang tidak membawa keluarga akan dibayar dengan kadar satu setengah (1½) bulan Elaun Sara Hidup tertakluk kepada syarat bahawa tempoh Skim Pasca Kedoktoran sembilan (9) bulan dan lebih;
- 17.4.3 Universiti akan membayar Elaun Penempatan bagi Pegawai yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- 17.4.4 tempoh Skim Pasca Kedoktoran sembilan (9) bulan atau lebih; dan keluarga tinggal bersama Pegawai di luar negara secara terus menerus tidak kurang dari enam (6) bulan
- 17.4.5 Elaun Penempatan bagi Pegawai yang membawa keluarga akan dibayar dengan kadar seperti berikut:-
- 17.4.5.1 dua (2) bulan Elaun Sara Hidup; dan
- 17.4.5.2 dua (2) bulan Elaun Bantuan keluarga
- 17.4.6 Universiti tidak akan membayar Elaun Penempatan kepada Pegawai yang sedang atau sudah sedia berada di Tempat Pengajian.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

17.5 Elaun Pakaian Panas (EPP)

17.5.1 Elaun Pakaian Panas akan dibayar kepada Pegawai yang menjalani Skim Pasca Kedoktoran di Negara beriklim sederhana sekiranya tidak pernah menerima elaun pakaian panas dalam tempoh tiga (3) tahun kuat kuasa tempoh Latihan tertakluk kepada Peraturan Kewangan Perakuanan Universiti (PKPU) yang berkuatakuasa.

17.5.2 Elaun Pakaian Panas untuk keluarga akan dibayar kepada Pegawai yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

17.5.2.1 keluarga Pegawai tidak menerima Elaun Pakaian Panas dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tarikh mula kuatkuasa Skim Pasca Kedoktoran;

17.5.2.2 tempoh Skim Pasca Kedoktoran dua belas (12) bulan dan keatas.

17.5.2.3 keluarga tinggal bersama-sama Pegawai di luar negara secara terus menerus tidak kurang dari enam (6) bulan.

17.6 Elaun Buku (EB) dan Elaun Alat Perkakas (EAPs)

17.6. 1 Elaun Buku dan Elaun Alat Perkakas akan dibayar secara *outright grant* sekali setahun. Pembayaran kepada Pegawai yang mengikuti Skim Pasca Kedoktoran yang melebihi dua belas (12) bulan sahaja.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

17.7 Elaun Akhir Pengajian (EAP)

17.7.1 Tertakluk peraturan ini, Pegawai akan dibayar seperti syarat berikut :-

17.7.1.1 Dibayar mengikut kadar bujang (tempoh Latihan 9 hingga 12 bulan) atau kadar keluarga.

17.7.1.2 Pegawai diluluskan membawa keluarga oleh Universiti.

17.7.1.3 Dibayar sekali sebelum tamat Skim Pasca Kedoktoran.

17.7.1.4 Pegawai tidak layak menuntut elaun perjalanan dari Tempat Pengajian ke rumah.

17.7.2 Elaun ini akan dibayar setelah Pegawai kembali ke Malaysia selepas menamatkan Skim Pasca Kedoktoran, bagi tujuan untuk menampung perbelanjaan seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang di Negara berkenaan dan dari lapangan terbang ke tempat kediaman, upah mengangkut barang-barang, cukai lapangan terbang, perbelanjaan membawa barang-barang lebihan dan lain-lain perbelanjaan runcit. Dengan pemberian elaun ini Pegawai tidaklah boleh membuat apa-apa tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut di atas;

17.7.3 Elaun Akhir Pengajian bagi Pegawai bujang atau Pegawai yang tidak membawa keluarga akan dibayar dengan kadar

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

enam puluh peratus (60%) daripada sebulan Elaun Sara Hidup.

17.7.4 Universiti akan membayar Elaun Akhir Pengajian bagi Pegawai yang membawa keluarga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

17.7.4.1 tempoh Skim Pasca Kedoktoran sembilan (9) bulan atau lebih; dan

17.7.4.2 keluarga tinggal bersama-sama Pegawai di luar negara secara terus menerus selama tidak kurang dari enam (6) bulan.

17.7.5 Elaun Akhir Pengajian bagi Pegawai yang membawa keluarga akan dibayar dengan kadar satu (1) bulan Elaun Sara Hidup.

17.8 Yuran Pengajian

17.8.1 Yuran-yuran pengajian akan dibayar oleh Universiti / Penaja bagi pihak Pegawai seperti berikut:-

17.8.1.1 Yuran kemasukan dan pendaftaran; dan

17.8.1.2 Yuran pengajian

17.8.2 Bagi tujuan di atas, Pegawai adalah dikehendaki memberitahu Tempat Pengajian supaya mengemukakan invois atau bil-bil tuntutan yang berkaitan dengan yuran-yuran pengajian di atas terus kepada Universiti / Penaja untuk tindakan pembayaran.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

17.9 Rawatan dan Kemudahan Perubatan

17.9.1 Kemudahan perubatan yang diluluskan kepada Pegawai di luar negara adalah melalui peruntukan seperti berikut:-

17.9.1.1 Peruntukan bagi Negara yang ada skim insuran kesihatan tempatan:

17.9.1.1.1 di Negara-Negara terdapatnya

skim insuran kesihatan,

contohnya di Amerika Syarikat,

Pegawai hendaklah mencarum

di bawah skim insuran tersebut

meliputi Pegawai dan

tanggungan. Tanggungjawab itu

termasuklah rawatan bersalin

kecuali bagi Pegawai yang

disyaratkan untuk mencarum

kepada skim insuran yang

ditetapkan oleh Tempat

Pengajian.

17.9.1.1.2 Universiti akan membayar:

17.9.1.1.2.1. Premium insuran

bagi Pegawai

dantanggungan;

LAMPIRAN D

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

17.9.1.1.2.2 Perbezaan tuntutan

rawatan Pegawai
dan tanggungan
yang tidak dibayar
sepenuhnya oleh
pihak insuran
kesihatan
berkenaan; atau

17.9.1.1.2.3 Rawatan bersalin

yang akan dibayar
oleh pihak insuran
kesihatan
berkenaan
sekiranya isteri
Pegawai telah
sedia mengandung
sebelum bertolak
ke luar negara.

**17.9.2 Pegawai hendaklah mengemukakan kepada Universiti ini
salinan perkara-perkara seperti berikut:-**

17.9.2.1 Kad Ahli Skim Insuran Kesihatan tanggungan;

dan

17.9.2.2 Polisi atau Skim Insuran Kesihatan.

LAMPIRAN D

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- 17.9.3 Tuntutan pembayaran premium insuran kesihatan Pegawai dan tanggungan tidak akan dibayar oleh Universiti sehinggaalah perkara-perkara di atas diterima oleh Universiti ini.
- 17.9.4 Peruntukan bagi Negara yang tidak terdapat Skim Insuran Kesihatan adalah seperti berikut :-
- 17.9.4.1 di Negara-Negara tidak terdapat Skim Insuran Kesihatan, rawatan yang layak dibayar adalah rawatan perubatan di hospital dan klinik kerajaan. Walau bagaimanapun dalam kes kecemasan rawatan di klinik swasta boleh dipertimbangkan.
- 17.9.4.2 Tanggungan Bagi Keluarga Pegawai :-
- 17.9.4.2.1 Keluarga Pegawai yang tidak mengiringi Pegawai bercuti belajar ke luar negara adalah layak mendapat rawatan perubatan dalam negara di bawah Skim Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UTeM – edisi 2020 (Pekeliling Pentadbiran Bil 15/2021).
- 17.9.4.2.2 Universiti tidak akan menanggung bayaran perbelanjaan perubatan

LAMPIRAN D

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

atas rawatan yang diperolehi /
dijalani dari Klinik Swasta.

17.10 Tambang Perjalanan

- 17.10.2 Pegawai adalah layak mendapat kemudahan perjalanan sebagaimana diperuntukkan di dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU). Elaun atau tambang perjalanan yang ditanggung oleh Universiti ialah untuk pergi dan balik iaitu sekali di awal dan sekali di akhir pengajian sahaja.
- 17.10.3 Pegawai akan mendapat kemudahan tambang perjalanan pergi balik ke Tempat Pengajian mengikut jalan yang terdekat dan / atau kadar tambang yang termurah.
- 17.10.4 Universiti ini akan membayar tambang perjalanan pergi dan balik untuk tanggungan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- 17.10.4.1 Tempoh Skim Pasca Kedoktoran dua belas (12) bulan atau lebih; dan
- 17.10.4.2 Anak-anak yang layak mendapat kemudahan tambang percuma ialah mereka yang di bawah umur tiga belas (13) tahun pada tarikh mula kuat kuasa Skim Pasca Kedoktoran ini; dan

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

17.10.4.3 Tanggungan tinggal bersama-sama

Pegawai di luar negara secara terus menerus tidak kurang dari enam (6) bulan.

17.10.5 Tiket penerbangan akan dikeluarkan hanya setelah Pegawai lengkap menyempurnakan semua syarat bagi kelulusan Skim Pasca Kedoktoran.

17.10.6 Semua urusan berkenaan dengan tiket kapal terbang Pegawai dan tanggungan akan diuruskan oleh Universiti. Tuntutan pembelian tiket kapal terbang yang dibeli oleh Pegawai tidak akan dipertimbangkan.

17.10.7 Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai untuk memastikan keselamatan dan kesihatan Pegawai dan tanggungan dijaga dengan baik sepanjang perjalanan

18. BANTUAN KEWANGAN / KEMUDAHAN LUAR

Kecuali dengan kebenaran Universiti, Pegawai tidak boleh menerima apa-apa bantuan kewangan dan kemudahan dari sumber lain selain dari Universiti atau penaja yang diluluskan oleh Universiti. Apa-apa bantuan yang diterima akan diselaraskan oleh Universiti. Sekiranya diketahui bahawa Pegawai menerima elaun atau bayaran dari sumber lain tetapi tidak melaporkan kepada Universiti maka tindakan tatatertib yang boleh diambil ke atas Pegawai dan Universiti boleh menarik balik atau menamatkan kelulusan Skim Pasca Kedoktoran.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

19. CARA-CARA PEMBAYARAN

- 19.1 Pembayaran elaun-elaun biasiswa dan lain-lain bayaran akan dibuat oleh Universiti ini melalui bank tempatan terus kepada bank Pegawai di Negara berkenaan. Oleh itu, Pegawai adalah dikehendaki membuka akuan bank dan memberitahu Universiti nombor akaun dan nama serta alamat bank tersebut.
- 19.2 Pegawai hendaklah memberitahu dan meminta pihak yang berkenaan di Tempat Pengajian supaya mengemukakan invois atau bil-bil yang berkaitan dengan yuran terus kepada Universiti atau penaja untuk pembayaran.

20. PERJANJIAN, TEMPOH IKATAN, GANTI RUGI DAN LAIN-LAIN

- 20.1 Pegawai yang ditawarkan cuti belajar oleh Universiti hendaklah menandatangani Perjanjian dengan Universiti seperitimana yang dinyatakan di dalam Surat Kelulusan Skim Pasca Kedoktoran. Bagi Pegawai yang menerima biasiswa dari Kerajaan, akan menandatangani dua (2) perjanjian iaitu Perjanjian Cuti Belajar dengan Universiti dan perjanjian dengan Kerajaan.
- 20.2 Bagi Pegawai yang menerima biasiswa daripada universiti atau agensi lain selain Kerajaan, Pegawai hanya perlu menandatangani

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Perjanjian dengan Universiti sahaja melainkan jika universiti atau agensi lain tersebut menghendaki perjanjian ditandatangani oleh Pegawai.

- 20.3 Tempoh ikatan Perjanjian adalah tertakluk kepada tempoh cuti belajar yang diluluskan oleh Universiti seperitimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian. Tempoh ikatan Perjanjian adalah berbeza bergantung kepada tempoh Skim Pasca Kedoktoran yang diluluskan Universiti.
- 20.4 Sekiranya Pegawai tidak menandatangani atau menyempurnakan Perjanjian di dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Surat Kelulusan Skim Pasca Kedoktoran atau sebelum Pegawai memulakan Skim Pasca Kedoktoran, maka kelulusan Skim Pasca Kedoktoran akan ditarik balik.
- 20.5 Apabila tamat tempoh Skim Pasca Kedoktoran yang diluluskan Universiti, Pegawai hendaklah berkhidmat dengan Universiti untuk suatu tempoh yang ditetapkan oleh Universiti bermula daripada tarikh Pegawai melaporkan diri di Universiti.
- 20.6 Bagi Pegawai yang gagal mematuhi atau ingkar atau melanggar, atau menyebabkan dirinya gagal mematuhi atau ingkar atau melanggar mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian yang ditandatangani, Universiti berhak untuk menuntut ganti rugi daripada

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pegawai sejumlah wang seperimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

- 20.7 Senarai lengkap tempoh ikatan dan bayaran ganti rugi adalah seperti di dalam Perjanjian Cuti Belajar

21. LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

Hasil dari pemeriksaan kesihatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Kelulusan Skim Pasca Kedoktoran, jika sekiranya laporan pemeriksaan kesihatan tersebut menunjukkan bahawa Pegawai dan tanggungan tidak berkeupayaan (*unfit*) untuk mengikuti Skim Pasca Kedoktoran, maka Kelulusan Skim Pasca Kedoktoran akan ditarik balik.

22. SAKIT TERUK DAN BERPANJANGAN

- 22.1 Pegawai dikehendaki memaklumkan kepada Universiti sekiranya Pegawai dan / atau tanggungan mendapat sakit teruk dan berpanjangan yang boleh menyebabkan Skim Pasca Kedoktoran Pegawai terjejas atau tidak dapat diteruskan. Universiti boleh menarik balik dan menamatkan kelulusan Skim Pasca Kedoktoran dan tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan perkara ini.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

22.2 Antara ciri-ciri tahap serius sakit kronik dan sakit berpanjangan perlu ada unsur-unsur :

22.2.1 mengancam nyawa (*Life threatening*)

22.2.2 rawatan/perubatan dengan kos yang tinggi dan berterusan

22.2.3 *Acute medical illness requiring admission to hospital*

22.3 Antara penyakit yang terlibat :

- i) Kanser
- ii) Serangan Jantung
- iii) Sakit Buah Pinggang Yang Kronik
- iv) Sakit Hati (*Liver*) Yang Kronik
- v) *Fulminant Viral Hepatitis*
- vi) Kcederaan di kepala disebabkan kemalangan
- vii) Tumor dam kecacatan pembulur darah di otak
- viii) Melepuh dan melecur kerana kebakaran
- ix) Pemindahan organ utama
- x) Penyakit *Parkinson*
- xi) Penyakit HIV dan Aids
- xii) Pemindahan Kaki dan / atau tangan
- xiii) *Mental Illness: Bipolar Disorders, Skizofernia, Major Despression*
- xiv) Kcederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang

LAMPIRAN D

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan

- xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan / atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

22.4 Walaupun demikian Universiti atas pertimbangan tertentu, setelah mendapat bukti bahawa Pegawai tidak dapat meneruskan Skim Pasca Kedoktoran kerana disebabkan sakit berpanjangan boleh menangguhkan Skim Pasca Kedoktoran Pegawai dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

23. TATATERTIB

Dalam tempoh Skim Pasca Kedoktoran, Pegawai adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [AKTA30] ("AUKU") Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (AKTA605) dan mana-mana peraturan lain berkaitan yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

24. TUGAS

24.1 Pegawai adalah dikehendaki:

24.1.1 Memberitahu tentang ketibaannya di Negara Tempat Pengajian, No. Akaun, alamat kediaman, alamat bank dan sebagainya dengan mengisi borang Maklumat Diri Ditempat Pengajian. Borang yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

Unit Biasiswa Akademik

Seksyen Cuti belajar

Bahagian Pembangunan Bakat

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, 76100

Durian Tunggal, Melaka

(sebarang pertukaran alamat hendaklah diberitahu kepada Universiti)

24.1.2 Menumpukan sepenuh perhatian kepada Latihan yang diikuti sebagainya yang ditetapkan;

24.1.3 Kembali ke Universiti dengan segera sebaik-baik sahaja Latihan tamat walaupun tempoh kuatkuasa Skim Pasca Kedoktoran dan biasiswa belum tamat.

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

25. TANGGUNGJAWAB

25.1 Kelakuan

25.1.1 Semasa mengikuti Latihan, Pegawai dikehendaki berkelakuan sebagai seorang penuntut yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi arahan-arahan / peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa. Tindakan sewajarnya akan diambil andainya Pegawai melanggar arahan / peraturan yang dikeluarkan itu;

25.1.2 Sekiranya Pegawai didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa kesalahan yang akan mencemarkan nama baik Malaysia atau Universiti, maka tindakan tatatertib akan diambil. Selain itu, kelulusan Skim Pasca Kedoktoran dan pemberian biasiswa Universiti ini akan ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, Pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam perjanjian; dan

25.1.3 Sepanjang tempoh Latihan, Pegawai tidak dibenarkan membuat perjalanan ke lain-lain negara kecuali dengan kelulusan Universiti. Sekiranya Pegawai diluluskan untuk pergi ke Negara berkenaan, maka Universiti ini tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan yang terlibat akibat perjalanan tersebut. Sekiranya didapati atau dilaporkan

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

melakukan perjalanan sedemikian tanpa kelulusan, maka tindakan tata tertib akan diambil dan Latihan dan biasiswa ini boleh ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, Pegawai akan dipanggil balik dan dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana ditetapkan di dalam Perjanjian.

25.1.4 Pegawai yang tidak menyelesaikan Latihan dan gagal mengemukakan laporan akhir, Universiti berhak mengenakan tindakan undang-undang tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

26. GAGAL

Sekiranya Universiti mendapati bahawa Pegawai gagal atau telah mengabaikan tanggungjawabnya, maka Latihan dan biasiswa Universiti ini boleh ditarik balik dan Pegawai dikehendaki membayar ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian.

27. KERTAS KERJA / TESIS / DISERTASI

27.1 Jika Pegawai dikehendaki oleh Tempat Pengajian mengemukakan satu kertas kerja, bagi yang berupa disertasi, tesis atau satu kertas projek berkaitan dengan Latihan, Pegawai hendaklah mengemukakan dan menyerahkan satu salinan kertas kerja / tesis /

LAMPIRAN D

**PERATURAN DAN PROSEDUR
SKIM PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

desertasi tersebut kepada Universiti ini sebaik-baik sahaja ianya disempurnakan.

- 27.2 Kertas kerja / Tesis / Disertasi yang telah dikemukakan dan diserahkan kepada Universiti ini adalah menjadi hak Universiti dan atas kebenaran Universiti, ianya boleh digunakan sebagai bahan bacaan atau rujukan oleh Pegawai-Pegawai kerajaan, penuntut-penuntut atau orang perseorangan.

28. HAK UNIVERSITI

Walau apapun perbekalan dalam Kelulusan Skim Pasca Kedoktoran, Universiti berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan / atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan Pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan / atau tambahan tersebut. Universiti juga berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan biasiswa Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan Universiti tidak akan melayani apa-apa tuntutan ganti rugi berkenaan / akibat dari perkara ini.